

SUMBANGAN MUALIM HAJI WAHID DALAM BIDANG DAKWAH DI MELAKA

Azmi Budin

Azmibudin@kuim.edu.my

Kolej Universiti Islam Melaka

Mohamad Nazli Omar

Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Artikel ini khususnya bertujuan untuk mengenalpasti dan memperkenalkan Mualim Haji Wahid tentang sumbangannya yang memainkan peranan utama dalam pembangunan dakwah Islam di Melaka. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah dokumentasi dan sejarah. Dua kaedah utama yang digunakan dalam kajian kualitatif ini ialah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Sementara itu, kaedah pengurangan dan induksi digunakan secara spesifik untuk menganalisis data. Selain itu, kajian ini adalah mengenai keperibadian Mualim Haji Wahid sepanjang hidupnya. Walaupun tidak pernah tinggal di zamannya, kami telah mencari maklumat mengenai Mualim Haji Wahid untuk dikongsi dengan responden yang lain. Biasanya kita hanya mendengar dakwah ulama di luar negeri tetapi tidak di Malaysia, contohnya seorang yang terkenal Mualim Haji Abdul Wahid. Diharapkan melalui artikel ini sumbangan beliau yang besar akan sentiasa dihargai dan diingati.

THE CONTRIBUTION OF HAJI WAHID IN THE FIELD OF DA'WAH IN MELAKA

ABSTRACT

The article is specifically aimed to indentify and introduce an Mualim Haji Wahid whose contribution has played major role in development of Islamic da'wah in Melaka. Methodology used in this investigation is methods documentation and historical. There are two main methods used in this particular research qualitative as library research and field research. Meanwhile, the deduction and induction methods are used speciafically for data analysis. Besides that, this investigation is about recognizing individuality Mualim Haji Wahid during his life. Although never lived in his time, we have been looking for information about Mualim Haji Wahid to share with other respondence. Usually we only hear about scholar da'wah in overseas but not in Malaysia, for an example a famous person Mualim Haji Abdul Wahid. It is hoped that through this article his enormous contributions will always be appreciated and remembered.

PENDAHULUAN

Dalam penyebaran dakwah yang dilakukan memerlukan uslub dan manhaj yang betul dan menepati metodologi dakwah serta melalui pelbagai medium yang berkesan serta mekanisme yang pelbagai mampu mendekati pelbagai golongan dengan bijaksana . Dakwah yang berhemah dan hikmah mendapat sambutan bukan saja kepada orang islam tetapi juga kepada orang bukan Islam.

Tidak kira di mana kita berada berdakwah ini perlu dan diperlukan oleh orang lain. Ini bermaksud setiap apa yang kita lakukan adalah merupakan dakwah jadi setiap perbuatan,tingkahlaku, tindakan dan pendekatan wajarlah dijaga supaya boleh menjadi ikutan kepada orang Islam yang lain. Berdakwah juga tidak semestinya diri kita perlu sempurna dari semua aspek kerana tiada manusia yang sempurna di muka bumi ini kecuali Nabi Muhammad S.A.W tetapi hendaklah berdakwah dengan penuh hikmah dan menguasai ilmu berkaitan dengan uslub dakwah. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah an- Nahl ayat 125 firmanyā

مَلَّمَنْ أَعْلَمُ هُوَ بِكَ إِنْ أَحْسَنُ هُنَيْ بِالْتَّى وَجَدَهُمْ أَلْحَسَنَةٍ وَالْمَوْعِظَةِ بِالْحِكْمَةِ رَبِّكَ سَبِيلٌ إِلَى أَدْعُ
بِالْمُهَتَّدِينَ أَعْلَمُ وَهُوَ سَبِيلٌ


Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan

mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud :" Manusia yang paling baik adalah yang paling tenang, bertakwa, giat menyuruh kepada makruf, giat melarang kemungkar dan rajin bersilaturahim" (Riwayat Imam Ahmad).

Imam Hasan Basri berkata:" sesungguhnya aku sedang menasihati kamu, bukanlah bererti akulah yang terbaik dalam kalangan kamu. Bukan juga yang paling soleh dalam kalangan kamu, sebab aku pernah melampaui batas untuk diri sendiri. Seandainya seseorang itu hanya dapat menyampaikan dakwah apabila dia sempurna, nescaya tidak akan ada pendakwah. Maka berkanggunganlah orang yang memberi peringatan."

Oleh itu, semua orang boleh berdakwah mengikut kemampuan yang ada serta keahlian dalam bidang tersebut selagi ianya membawa kepada kebaikan ummah tidak kira di mana dia berada, pangkat dan darjat kedudukan. Diri yang tidak sempurna bukanlah alasan untuk tidak berdakwah dan saling memberi peringatan dalam kalangan mereka dan mengajak kepada kebaikan menolak kemungkar. Ini dijelas di dalam al-Quran pada ayat ayat berikut.¹

مَنْ وَلَوْبِ اللَّهِ وَتُؤْمِنُونَ الْمُنْكَرِ عَنِ وَتَهْوَنَ بِالْمَعْرُوفِ تَأْمُرُونَ لِلنَّاسِ أُخْرِجَتْ أُمَّةٌ حَيْرَ كُتُمْ
الْفَسِقُونَ وَأَكْثُرُهُمُ الْمُؤْمِنُونَ مِنْهُمْ لَهُمْ خَيْرٌ الَّذِي كَانَ الْكِتَابُ أَهْلُهُ^{۱۱}

Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat Yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). dan kalaualah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang Yang fasik.

Kajian yang dijalankan adalah berkenaan dengan sumbangan Mualim Haji Wahid dalam bidang dakwah di Melaka . Walaupun Mualim telah lama meninggal dunia, namun kerana jasa dan sumbangan yang telah banyak dicurahkan oleh beliau, nama Mualim Haji Abdul Wahid kekal disebut sehingga ke hari ini.

¹ Surah Al- Imran 3:110

Agama Islam merupakan al-Din, yang lengkap merangkumi aspek kehidupan duniawi dan ukrawi risalahnya membawa rahmat dan kesejahteraan seluruh alam. Justeru itu, dalam proses penyebaran risalah Islam yang syumul pastinya ditunjangi, diterajui dan dipelopori oleh insan yang mantap dari sudut sahsiah dan akhlak yang tinggi serta diakui keilmuan keagamaan oleh masyarakat setempat maupun peringkat antarabangsa. Sejarah Islam telah membuktikan ketokohan seperti Said Nursi, Hassan al-Banna, Ibn Badis, al-Maududi, Pak Natsir, Profesor Dr Buya Hamka, Tok Kenali dan ramai lagi. Mereka adalah tokoh-tokoh ulama yang hebat dan berketerampilan dalam menyampaikan risalah Islam dengan pelbagai pendekatan uslub dan *manhaj* bagi meneruskan tugas pewaris nabi iaitu peranan ulama dalam usaha melahirkan insan Rabbani bagi mencapai konsep al-Falah iaitu kejayaan dunia dan akhirat.

Hasil daripada perjuangan mereka menyampaikan risalah Islam, kesungguhan, keikhlasan serta istiqamah dalam menghadapi pelbagai tribulasi namun mereka tetap cekal maka hari ini kita dapat lihat risalah Islam telah tersebar keseluruh pelusuk bumi. Situasi begitu juga turut berlaku di negeri Melaka secara khususnya dan Malaysia secara amnya. Maka pemilihan Mualim Haji Wahid sebagai individu yang dikaji oleh pengkaji memenuhi ciri-ciri sebagai ulama yang memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan risalah Islam dengan sumbangan dan pendekatan *manhaj* dakwah yang patut dicontohi generasi kini dan akan datang.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sejarah telah membuktikan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam di Nusantara berkembang pesat dan dikenali di peringkat dunia telah melahirkan ramai tokoh ulama yang telah menyebarkan Islam. Tom Pires dan de Eredia telah mencatatkan kunjungan ramai ulama dari Pasai dan lain-lain tempat di Melaka. Manakala buku Sejarah Melayu telah menyebut ialah seperti Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Kadhi Menua, Kadhi Munawar dan lain-lain.²

Dalam konteks Melaka abad ke 19 dan 20 wujudnya tokoh-tokoh dakwah dan ulama yang turut memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam serta memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada masyarakat Islam dalam membimbing jalan yang diredhai ilahi seperti Mualim Haji. Wahid bin Othman, Kiyai Haji Hashim, Tuan Guru Hj. Hassan bin Hj. Abu Bakar, Tuan Guru Hj. Khalil bin Hj. Husin dan Dato' Hj. Mat Yunus bin Hj. Mohd Yatim. Hasil usaha mereka dan pendekatan yang dinamik serta sumbangan yang besar dalam melahirkan masyarakat Islam di Melaka pada masa kini. Kesan dari pemikiran dan *manhaj* yang diperaktikan tokoh tersebut kepada masyarakat Islam di Melaka hari ini masih kuat berpegang dengan ajaran Islam.

² Mohd Jamil Mukmin (2012), Sejarah Kerajaan Islam secara ringkas dan Sejarah Melaka Sebagai Pusat Penyebaran Islam di Nusantara, IKSEP, Melaka, h.54

Tokoh-tokoh ini mempunyai pelbagai sumbangan dan pelbagai pendekatan dakwah atau *manhaj* dalam melahirkan masyarakat yang menghayati, mengamalkan Islam menurut al-Quran dan al-Sunah berpaksikan pegangan ahli as-sunah wal-jamaah.

Sejajar dengan itu, sumbangan, pengorbanan dan kegigihan yang telah dilalui dan dihadapi oleh para ulama khususnya Mualim Haji Wahid perlu dikaji serta didokumentasi untuk tatapan generasi kini dan yang akan datang malah wajar dimartabatkan kedudukan dan peranan ulama oleh semua pihak termasuk pihak kerajaan, insitusi agama dan masyarakat. Ini kerana pembangunan masyarakat melayu secara tradisinya dipelopori oleh ulama. Walaupun dewasa kini sebahagian besar masyarakat beranggapan peranan ulama perlu diasingkan dalam arus pembangunan fizikal dan teknologi. Dengan adanya kajian ini agar dapat mengetahui dan menggunakan pendekatan *manhaj* dakwah untuk meneruskan kesinambungan perjuangan para ulama tersohor. Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk melakukan kajian berhubung dakwah Mualim haji Wahid. Walaupun Mualim Haji Wahid amat dikenali di Negeri Melaka tetapi terlalu sedikit kajian dibuat kajian tentang beliau. Mualim juga mempunyai ruang yang sama sumbangan yang serupa ke arah membangunkan penyebaran islam dalam pelbagai bentuk *manhaj* dakwah dan disiplin ilmu yang dikuasainya serta bidang yang diceburinya malah mengabdikan jiwa dan raganya kepada dakwah islam.

Kajian sumbangan dakwah dan *manhaj* dalam pelbagai disiplin terhadap ulama-ulama tersohor adalah suatu bidang yang telah lama dan banyak dikaji dan diterokai oleh para pengkaji dan ilmuan sejak sekian lama berbanding ulama di Tanah Melayu seperti Mualim Haji Wahid. Antara perkara yang sering dikaji tentang *manhaj* dakwah di kalangan ulama yang terkenal dalam bidang fiqh, hadis, tasawuf dan lain-lain lagi seperti *manhaj* dakwah al- Syeikh ibn Ata' Allah al- Sakandari, al- Imam Abu Haifah, Said Hawa, Hassan al-Banna dan lain-lain.

Maka di sinilah perlunya pendapat pengkaji untuk mendokumentasikan sumbangan Mualim terhadap perkembangan Islam di samping memartabatkan peranan ulama dalam mempertahankan sistem pendidikan islam. Sumbangannya biarpun kecil berbanding ulama yang tersohor seperti imam shafie, al- Ghazali, Syaikh Abd. al- Qadir Jilani, Muhammad Abduh dan lain-lain telah banyak dikaji dan terbukti besar pengaruhnya kepada umat islam sangat namun Mualim juga turut memberi sumbangan dakwah islamiyah kepada masyarakat setempat dalam *manhaj* yang berbeza bagi menjalankan tugas sebagai daei serta merealisasikan syiar islam dan syariatnya agar terus berkembang di muka bumi Allah ini.

Akhirnya, kajian ini akan dapat mengupas apakah sumbangan beliau serta *manhaj* digunakan untuk mengembangkan dakwah islam melalui uslub yang pelbagai serta apakah bukti yang ada hasil dari sumbangan beliau.

Berdasarkan kepada permasalahan kajian, maka pengkaji mendapati persoalan kajian seperti berikut:

1. Siapakah Mualim Haji Wahid.
2. Apakah sumbangan tokoh dalam menyebarkan risalah Islam.
3. Bagaimanakah *manhaj* dakwah yang digunakan oleh tokoh dalam pendekatan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini, objektif kajian secara umum fokus dan matlamat utama yang hendak dicapai adalah untuk mengkaji, meneliti serta mengenalpasti *manhaj* yang digunakan oleh Mualim Haji.Wahid dalam menyampaikan risalah Islam di kalangan masyarakat setempat agar dapat memberi natijah yang baik dari sudut pembinaan sahsiah diri serta kefahaman masyarakat setempat dalam menghayati nilai-nilai Islam seterusnya mengamalkan dalam kehidupan mereka. Oleh itu, terdapat tiga objektif kajian yang telah digariskan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Mengenal pasti riwayat hidup Mualim haji. Wahid
2. Mengenal pasti sumbangan Mualim haji. Wahid dalam menyebarkan risalah Islam
3. Mengkaji *manhaj* yang digunakan oleh Mualim dalam menyampaikan dakwah.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Menurut hemat pengkaji, berdasarkan kepada hasil tinjauan literature masih terlalu kurang kajian mengenai Mualim haji Wahid dilakukan secara ilmiah. Namun terdapat beberapa hasil penulisan ilmiah yang hampir sama dari sudut konsep pemikiran tokoh dakwah sumbangan dan peranan.

Kajian yang telah dilakukan oleh Sakir Husssin bin Khalid (2008)³ ialah tentang “ Tokoh ulama di Negeri Melaka: Satu kajian tentang pemikiran di Bidang Pendidikan dan Dakwah.” Kajian tertumpu berkaitan perbezaan aliran pemikiran antara dua tokoh tersohor iaitu Syed Hadi dan Mualim Haji.Wahid dalam konteks pendekatan metodologi dakwah pemikiran yang digunakan dalam membentuk dan membina masyarakat cemerlang.Namun ianya tidak membahaskan mengenai sumbangan Mualim terhadap *manhaj* dakwah dan penyebaran dakwah islamiah secara terperinci. Penekanaan yang ditumpukan

³ Sakir Husssin bin Khalid (2008) “ Tokoh ulama di Negeri Melaka: Satu kajian tentang pemikiran di Bidang Pendidikan dan Dakwah.” Jabatan Sejarah dan tamadun Islam Akademi Pengajaran Islam Universiti Malaya.

dalam kajian ini berkisar corak pemikiran yang berlaku aliran fahaman pemikiran antara golongan muda dan tua pada ketika itu.

Manakala tesis yang telah dibukukan berkaitan Mualim Haji. Wahid yang ditulis oleh Ibrahim bin Dolmat (1992) berkaitan “ Ketokohan Al-Marhum Tuan Guru Haji Abdul Wahid bin Othman – Tokoh Agama dari Melaka”. Kajian ini juga memfokuskan tentang ciri-ciri ketokohan yang dikaji dari sudut perwatakan, kewibawaan dan keterampilan dalam pembinaan wadah perjuangan yang dimiliki oleh Mualim.Walaubagaimanapun skop pengkajian terhadap sumbangaan Mualim dalam perkembangan dakwah melalui medium pendidikan tidak dibincangkan secara jelas. Persoalan sumbangaan Mualim akan dikupas secara meluas oleh pengkaji.

Kajian yang dilakukan oleh Ibrahim bin Mohd Said (2000)⁴ bertajuk “ Sejarah Penubuhan Dan Perkembangan Madrasah Al-Nuriah, Paya Rumput , Sungai Udang, Melaka”. Tesis peringkat Ijazah Sarjana Muda ini hanya memfokuskan tentang sejarah penubuhan Madrasah Al- Nuriah dari sudut perkembangan dan asal- usul pembinaan sekolah tersebut tanpa meninjau dari sudut *manhaj* dakwah yang dibuat oleh pengkaji cuma ada menceritakan secara ringkas tentang aliran pemikiran Al- Marhum Tuan Guru Haji Abdul Wahid bin Othman selaku pengasas madrasah tersebut. Isu yang dibahaskan hanya berkisar penubuhan madrasah dari sudut sejarah. Namun begitu pengkaji akan memfokuskan tentang *manhaj* dakwah melalui pendidikan dengan lebih menyeluruh dan teratur. Terdapat penulisan Joni Tamkin (2002)⁵ dalam kertas kerjanya yang bertajuk Beberapa Aspek Pemikiran Syeikh Daud bin Abdullah al- Fattani dalam perbankan Islam.Kajian lebih menjurus kepada pemikiran Sheikh Daud al-Fattani dalam konteks perbankan menurut sistem Islam.

Tidak dinyatakan secara khusus pola pemikiran Mualim sebagai perbandingan dengan Sheikh Daud Pattani tetapi dalam konteks peranan ulama secara umum ada disentuh cuma dari skop yang amat berbeza iaitu skop pemikiran perbankan menurut Islam.

Namun begitu, terdapat buku- buku yang berkaitan tokoh- tokoh dakwah dan pemikir Islam. Mohamad Kamil bin Ab Majid dan Muhamammed Yusuf (2015)⁶ . “ Biografi Ulama Malaysia Dato’ Haji Muhammad Nor Ibrahim ”. Buku ini membincangkan tokoh ulama Kelantan yang merupakan pengasas kelas Tahfiz di Malaysia serta menganalisis karya-karya hasil penulisan dan sumbangan dalam pendidikan.

4 Ibrahim bin Dolmat (1992) berkaitan “ Ketokohan Al-Marhum Tuan Guru Haji Abdul Wahid bin Othman – Tokoh Agama dari Melaka”.Universiti Sains Malaysia

5 Joni Tamkin (2002) Beberapa Aspek Pemikiran Syeikh Daud bin Abdullah al- Fattani dalam perbankan Islam.Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,h.195.

6 Mohamad Kamil bin Ab Majid dan Muhamammed Yusuf (2015) . “ Biografi Ulama Malaysia Dato’ Haji Muhammad Nor Ibrahim ”.Dewan Bahasa dan Pustaka

Ishak Sulaiman dan Muhammad Arif Yahya (2015)⁷ menulis dalam buku “Biografi Tokoh Dakwah Ibn Hajar Al- Asqalani”. Buku menjelaskan peranan yang dimainkan oleh tokoh tersohor tersebut di dunia Islam iaitu berkaitan pemikiran beliau dalam ilmu hadis serta menghuraikan metodologi ibn Hajar dalam penulisan karya matn al-hadis- bulugh al- Maram dan sejarah perkembangan ilmu hadis secara keseluruhannya. Ab. Aziz Mohd. Zin (1999)⁸ dalam bukunya “ Pengantar Dakwah Islamiah” menjelaskan metodeologi dakwah, persejarahan awal dakwah, permasalahan dakwah dan juga mengambil beberapa contoh tokoh dakwah di dunia Islam abad ke 19 dan 20, di antaranya Ibn Badis, Jamaluddin al- Afghani, Muhammmad Abdurrahman dan ramai tokoh terbilang di dunia Islam serta ada menyentuh *manhaj* dakwah yang dibawa oleh tokoh berkenaan dalam menyampaikan risalah Islam dan dakwah dengan berkesan.

Buku Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2) edisi 2 oleh Ismail Che Daud yang diterbitkan pada tahun (2007) oleh Majlis Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.Kajian ini hanya membincangkan dan memaparkan biodata secara ringkas tokoh-tokoh Ulama termasuk Mualim Haji Wahid.Namun ianya tidak membahaskan mengenai *manhaj* dakwah yang dibawa oleh Mualim begitu juga sumbangan Mualim terhadap perkembangan dakwah melalui insitusi pendidikan secara terperinci dan meluas juga tidak dipaparkan. Terdapat pula, buku yang ditulis oleh Abdullah al- Na’imy, bertajuk Kaedah Teknik Pengajaran Menurut oleh Ibn Khaldun dan Qabisi telah diterjemahkan oleh Mohd Ramzi, Dewan Bahasa dan Pustaka (1994), kandungan buku ini menghuraikan serta menjelaskan secara terperinci kaedah pengajaran dan pembelajaran dan mengabunggalin antara teori dan praktikal serta pendekatan semasa.

Manakala terdapat juga buku yang dikarang oleh Ahmad Fathy al-Fatani (2002), “Ulama Besar Dari Patani”. Buku ini menyenaraikan tokoh – tokoh ulama di Patani seterusnya membincangkan sumbangan mereka kepada penyebaran agama Islam . Ini kerana susur galur ulama di Nusantara khususnya di Tanah Melayu amnya kebanyakannya berguru dengan ulama besar Patani.

Namun begitu tidak dinyatakan dalam buku tersebut tentang Mualim secara khusus kerana ia memfokuskan ulama yang terkenal sahaja berbanding kajian yang dibuat oleh pengkaji.

Seterusnya Mohd Rusdi bin Mansor (2002),” Pendekatan Dakwah Rasulullah s.a.w di Mekah: Kajian perlaksanaanya di institusi- institusi dakwah Perlis.” Kajian ini lebih memfokuskan metodeologi yang digunakan oleh jujungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w dalam berdakwah setiap lapisan masyarakat dengan begitu berkesan sekali serta diikuti persediaan dan

⁷ Ishak Sulaiman dan Muhammad Arif Yahya (2015) “Biografi Tokoh Dakwah Ibn Hajar Al-Asqalani”. Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸Ab. Aziz Mohd. Zin (1999) “ Pengantar Dakwah Islamiah”. Universiti Malaya.

perancangan yang sebelum berdakwah melalui strategi yang teliti dan terancang.

Berdasarkan sorotan kajian lepas ini, pengkaji mendapati kajian berkaitan dengan manhaj dakwah yang dibawa oleh Mualim Haji Wahid amatlah sedikit yang dilakukan oleh mana-mana pengkaji setakat ini berbanding tokoh lain yang ingin dikaji selanjutnya.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam penyelidikan yang bersifat ilmiah, merupakan mekanisme yang paling penting kepada seorang pengkaji dan memainkan peranan yang utama bagi mendapatkan data dan fakta yang tepat yang bersangkutan secara sistematik dan kolektif. Hal ini supaya data-data dapat yang diperolehi itu nanti, bertepatan dengan kajian penyelidik dan dapat dianalisa serta dirumus dengan baik serta dapat memberikan hasil kajian yang tepat dan sempurna.

Menurut Kamus Dewan metodologi merupakan satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu disiplin dan sebagainya.⁹ Bagi Jerry Wellington, metodologi adalah satu aktiviti atau pemilihan untuk membuat refleksi, menilai dan mengusifitikasi sesuatu kaedah yang digunakan. Mengikut beliau, justifikasi kaedah penyelidikan adalah tindakan yang penting dalam persediaan melakukan laporan atau tesis penyelidikan. Hal ini kerana dalam laporan dan tesis penyelidikan harus mengandungi justifikasi keputusan atau hasil dapatan daripada kaedah penyelidikan. Oleh itu, sesuatu kajian tidak mungkin dapat dinilai dan ditentukan nilai kegunaanya tanpa memahami dan mengetahui metodeologi kajian tersebut.¹⁰ Menurut Mohd Najid Abdul Ghafar,

Metodologi adalah merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian. Prosesnya berkisar daripada peringkat awal dengan perbincangan yang berkaitan dengan masalah kajian, iaitu apa yang ingin dikaji.

Kemudian ia merujuk atau menerangkan bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan dengan meliputi beberapa aspek yang terdiri daripada reka bentuk kajian, populasi, sampel dan tempat, instrumentasi, analisis data dan kalender kajian.¹¹

Menurut Kenneth D. Bailey metodologi ialah falsafah proses penyelidikan. Ini termasuklah andaian-andaan dan nilai-nilai yang menjadi dasar alasan penyelidikan dan ukuran atau kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk mentafsirkan data dan membuat kesimpulan. Metodeologi yang digunakan oleh penyelidik menentukan faktor-faktor seperti

⁹ Hajah Noresh Hj Baharom (2013), Kamus Dewan,c.4,Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,h.1030

¹⁰ Mook Soon Sang (2009)Literatur dan Kaedah Penyelidikan. Selangor: Multimedia Sdn Bhd, h.22.

¹¹ Mohd Najib Abdul Ghafar (2003), Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h.98.

mengemukakan hipotesis dan apakah jenis bukti yang diperlukan untuk membuat keputusan sama ada menerima ataupun menolak sesuatu hipotesis.¹²

Dalam menjalankan kajian ilmiah ini. Pengkaji akan menggunakan dua kaedah untuk mengumpul data dan maklumat iaitu melalui kaedah metode pengumpulan data melalui kaedah perpustakaan dan pengumpulan data melalui kaedah kajian lapangan. Sebagaimana yang dinyatakan di atas sebelum sesuatu kajian dilakukan pengumpulan data perlu dilakukan terlebih dahulu. Hal ini memudahkan dan mempastikan bahawa pengkaji mendapat bahan dan data-data serta maklumat-maklumat yang tepat berkaitan dalam menyiapkan sesuatu kajian.

BIOGRAFI TOKOH DAN LATAR BELAKANG KELUARGA

Nama sebenar beliau ialah Abdul Wahid bin Othman bin Ningkal dan berketurunan Kerinci, Sumatera merupakan anakanda kepada pasangan Haji Othman bin Ningkal dengan Hajjah Siti binti Haji Yusuf. Ayahanda beliau bukalah seorang tokoh ulama atau pemimpin masyarakat atau orang kaya pada ketika itu, beliau merupakan hanya orang kampung biasa yang bekerja sebagai pesawah padi di samping menjadi peraih kambing, ayam dan itik. Datuknya berhijrah dari Kerinci ke Melaka pada akhir abad ke-19. Beliau dilahirkan di Kampung Paya Rumput Jaya, Sungai Udang, Melaka pada 1910.

Berasal dari keluarga yang mementingkan ajaran Islam dalam didikan anak-anak, akhirnya melahirkan ulama yang terkenal dan disegani ramai walaupun bukan berketurunan ulama' atau ahli agama. Madrasah yang telah didirikan oleh beliau iaitu Madrasah an-Nuriah ad-Diniah yang merupakan institusi pandidikan Islam terkenal sehingga ke hari ini telah dikelola oleh anaknya Ust Jamil setelah pemergian beliau dan Madrasah Baitul Qura' diuruskan oleh anak saudara beliau iaitu Ustaz Zulkifli, manakala rumah anak yatim diuruskan oleh keluarga beliau. Mualim Haji Wahid telah menghasilkan beberapa tulisan iaitu Kitab Al-Islam, Risalah Ilmu Falak dan banyak lagi. Selain menjadi guru di pondok yang didirikan, beliau juga tidak ketinggalan dalam menggerakkan usaha dakwah dalam dan luar negeri Melaka

Mualim Haji Wahid merupakan anak sulung daripada lapan adik beradik iaitu Haji Muslim, Abdul Majid, Abdul Mutualib, Zainab, Hasnah dan Yah. Mualim kembali ke Rahmatullah pada 3hb Oktober 1990 bersamaan 14hb Rabiulawal 1411, jam 2.00 pagi dalam usia 80 tahun kerana menghidap sakit dalam perut. dan dikebumikan di Batu 16 Solok Duku, Masjid Tanah, Melaka berdekatan dengan pusara Tuan Guru Haji Yaakub merupakan murid dan sahabatnya sendiri.

¹² Kenneth D. Bailey (1984). Kaedah Penyelidikan Sosial. Hashim(terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,h,46-47.

PENDIDIKAN

Beliau mula mendapat pendidikan secara formal belajar di Sekolah Melayu Tangga Batu sehingga lulus Darjah Lima. Ketika berusia 14 tahun, beliau belajar agama di Palembang, Sumatera di bawah bimbingan Tuan Guru Haji Sultan merupakan seorang ulama yang terkenal. Setahun kemudian, beliau kembali ke Melaka dan memasuki Pondok Paya Rumput, Rumbia dan berguru dengan Tuan Guru Haji Mohd Zain Abdul Rahman.¹³ Selepas itu beliau memasuki Pondok Khairiyah, Batu Tujuh, Air Molek bagi mendalami lagi ilmu di bawah Tuan Guru Haji Abdul Majid. Dua tahun kemudian beliau berguru pula dengan bapa saudaranya, Tuan Guru Haji Ahmad Kassim sehingga 1931. Seterusnya, beliau mula merantau mencari ilmu ke Kelantan dan belajar di beberapa buah pondok termasuk pondok yang dikendalikan serta dipimpin oleh Tok Kenali sendiri di Kampung Paya, Kerian. Di sana beliau sempat sempat berguru dengan ulama-ulama yang terkenal selain Tok Kenali,¹⁴ seperti Tuan Guru Ahmad Manan Tok Hakim, Mufti Haji Wan Musa Tuan Tabal, Tuan Guru Haji Ali Salahuddin Pulau Pisang, Tuan Guru Haji Yaakub Legor, Mufti Haji Ahmad Maher, Tuan Guru Haji Omar Nuruddin Sungai Keladi, Mufti Haji Mohd Noor Ibrahim, Tuan Guru Haji Said Kangkung dan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payung.

Pengembaran dan perantuan ilmu di beberapa pondok di Kelantan berakhir pada 1940. Antara rakan-rakan seperguruan dan seperjuangan beliau di Kelantan ialah Tuan Guru Haji Yahya Junid, Tuan Guru Haji Hussein Rahimi, Tuan Guru Haji Ghazali Pulau Chondong, Tuan Guru Haji Othman Yunus, Tuan Guru Haji Nik Mat Alim dan Tuan Guru Haji Awang Muhammad Rusila.

PERKAHWINAN

Ketika belajar di Kelantan Mualim Hajj Wahid telah berkahwin dengan Hajjah Wan Aishah binti Wan Awang pada tahun 1937 yang berasal dari Kubang Pasu, kota Bharu. Hasil daripada perkahwinan ini, mereka telah dikurniakan tujuh orang anak. Anak-anak beliau seperti berikut

Jalilah, Jalaluddin, Jamiluddin, Jamilah, Abdul Halim, Halimah Saadiah, Muhamad Fadhullah. Namun demikian, tiga orang daripadanya telah meninggal dunia. Empat orang cahaya mata yang masih hidup itu terdiri daripada tiga orang lelaki dan seorang perempuan. Manakala perkongsian Mualim dengan isteri keduanya bernama Puan Hajjah Khadijah yang berasal dari Perak telah dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu Marhamah dan Mardhiah.

¹³Tuan Guru Haji Muhammad Zain Haji Abdul Rahman berasal dari kedah, merupakan pengasas pondok pertama di Melaka iaitu pondok Paya Rumput Rumbia.

¹⁴Nama sebenar beliau Haji Muhammad Yusuf Ahmad, Ulama besar dan Walilullah, meninggal pada 19.11.1933

Isteri ketiga Mualim bernama Hajjah Zaleha binti Ibrahim yang berasal dari Masjid Tanah, Melaka. Kententuan ilahi mentakdirkan Hajjah Zaleha akhirnya meninggal dunia tanpa meninggalkan sebarang zuriat. Hasil perkongsian hidup dengan ketiga-tiga isteri beliau dikurniakan seramai sembilan orang anak semuanya.¹⁵

SUMBANGAN DAKWAH MUALIM HAJI WAHID

Pengkaji mendapati sumbangan dakwah yang dipraktikan oleh Mualaim terlalu banyak di antaranya adalah sebagaimana berikut:

a. Menubuhkan Madrasah an-Nuriah

Usaha dan sumbangan serta pendekatan *manhaj* dakwah yang dilakukannya melalui pelbagai medium yang mendepani masa iaitu mengabung jalin antara insitusi berorientasi pendidikan dan kebajikan. Beliau mendidrikan sekolah yang diberi nama Madrasah an-Nuriah pada tahun 1940 pada awalnya merupakan pondok kemudian dipertingkatkan sistem pendidikan dari masa ke semasa.

b. Penubuhan Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin

Dalam menjaga kebajikan terhadap anak muridnya yang majoritinya miskin dan yatim, maka *manhaj* dakwah yang diutamakan iaitu penubuhan Darul Aitam seterusnya didaftarkan secara rasmi melalui pertubuhan yang dikenali sekarang sebagai Lembaga Pengurusan Kebajikan Anak-anak Yatim dan Miskin (PAYASUM) merupakan yang pertama seumpamanya di Melaka. Ini merupakan sumbangan yang amat revelan hingga kini berkembang dengan pesat dalam semua aspek kebajikan dan infraksuktur bangunan dan aset.

c. Pondok Baitul Qurra'

Bagi mengekalkan tradisi pengajian secara tradisional yang diakui kehebatannya bagi mengekang pengaruh penjajah iaitu sistem pondok tetap dikekalkan. Mualim sebagai peneraju mengurus tadbir dengan berkesan sehingga kini Pondok Baitul Qurra' masih beroperasi hasil pendekatan *manhaj* dakwah serta sumbangan buah fikiran yang diperkenalkan oleh beliau dapat dilihat sehingga kini dengan pelbagai aktiviti dan program membangunkan modal insan setempat dan luar.

d. Memberi kuliah agama dan ceramah dalam dan luar Melaka

Di antara kitab yang diajar oleh Mualim di Pondok dan Madrasah beliau seperti kitab Musalli, Fath al-Qarib, Iqna, Matan Zubad, Wishah al-Afrah (fiqh), Minhaj al-Abidin, al-Durr al-Nafis, Hikam, Sayr al-Salikin, Taj al-Arus (

¹⁵ Temubual dengan ust Fadhullah pada hari ahad 7 Ogos 2016, jam 5.00 petang.

Tasawuf) dan sebagainya.¹⁶ Manakala dalam memberi kuliah tidak terhad sekitar Melaka sahaja malah mengajar di luar Melaka seperti Negeri Sembilan, Johor, Pahang dan Selangor.

e. Mengarang Kitab dan risalah kecil

Menulis kitab dan mengarang artikel serta risalah merupakan elemen yang penting dititikberatkan oleh Mualim walaupun tidak sebanyak mana namun kesan *manhaj* dakwah melalui penulisan tidak diabaikan. Hasil karya sumbangan beliau yang didapati seperti Kitab al- Salam, Risalah Ilmu Falak serta risalah-risah kecil yang melebihi 10 judul. Pada pengamatan pengkaji mungkin banyak lagi hasil penulisan tidak diketemui kini. Ini disebabkan Madrasah an-Nuriah pernah mengalami kebakaran termasuk rumah Mualim pada tahun 1960. Situasi begini mengakibatkan segala harta benda termasuk hasil penulisan beliau tidak dapat diselamatkan dan ditemui.

f. Pendekatan uslub dakwah berbeza mengikut tahap pemikiran masyarakat.

Mualim menurut pengkaji seorang bijak dan faham menggunakan uslub yang berbeza di dalam menyampaikan risalah islam. Ini jelas dalam penggunaan kitab berbahasa arab hanya digunakan untuk murid-murid beliau di Madrasah sahaja tetapi tidak digunakan di luar. Tahap pemikiran masyarakat berbeza maka dengan uslub dakwah yang praktikal memungkinkan tarikan serta sambutan menerimanya dengan mudah dan berkesan terhadap masyarakat.

Pengkaji juga mendapati *manhaj* dakwah yang digunakan dan diaplikasi oleh Mualim dalam masyarakat terlalu banyak seperti yang dinyatakan di atas. Terdapat *manhaj* yang digunakan seperti mengamalkan Tarekat Ahmadiah, melalui perkahwinan secara poligami, membuat dan menjual ubat-ubatan tradisional, *manhaj* dakwah kasih sayang dan silatulrahim, serta menyebarkan *manhaj* dakwah melalui medium politik.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, dapat dikatakan dengan kewarakan, kejujuran, keiklasan serta istiqamah yang ditunjukan oleh Mualim Haji Wahid bin Othman dalam usaha menyampaikan risalah Islam serta sumbangan beliau melalui pendekatan *manhaj* dakwah yang dibawa serta kegigihan, ketabahan, kecekalan para pelajarnya yang mendalam ilmu pengetahuan Islam diterima baik oleh masyarakat setempat ianya telah membentuk suatu generasi ilmuan yang berwibawa dalam menegakkan kebenaran dan menghapuskan kejahilan.

¹⁶ Ismail Che Daud (2007), Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu(2), Majlis Agama Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, halaman 359.

Hasilnya telah lahir dari pondok yang diasaskan oleh beliau para ulama, cendekiawan – cendikiawan dalam pelbagai bidang disiplin ilmu, para sarjana yang mampu membawa perubahan dalam masyarakat disamping berupaya melahirkan generasi pewaris tugas nabi dalam menyampaikan risalah Islam yang syumul ini termasuk dalam hal yang berhubung kait dengan kebijakan setempat.

Kajian ini diharap akan menjelaskan situasi sebenar berkaitan ketokohan ulama tersohor Melaka terhadap sumbangan dakwah serta pendekatan *manhaj* dakwah yang dibawanya melalui institusi pendidikan dan kebijakan. Berdasarkan fakta di atas, maka pengkaji terdorong untuk melakukan kajian yang lebih mendalam dalam kontek sumbangan dakwah dan *manhajdakwah* merupakan aset yang amat bernilai bagi kajian yang akan datang di dalam memartabatkan dan menyebarluas syiar Islam di negeri Melaka. Mengkaji sumbangan dakwah yang dilakukan oleh para ulama dalam menyebarluaskan risalah Islam tidak dinafikan pentingnya bagi umat Islam mengkaji dan mendalami metodologi yang digunakan agar keberkesanannya dapat diterima dengan mudah oleh seluruh lapisan masyarakat Islam dengan menggunakan pelbagai medium serta instrumen dengan berkesan khususnya dalam konteks pengajian ilmu pengetahuan Islam dan ilmu alat yang lain serta pelbagai disiplin ilmu yang bermanfaat.

Peranan yang dibawa oleh Mualim bagi mewarisi risalah Islam yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W diteruskan oleh beliau sebagai tanggungjawab yang wajib dipikul dengan menumpukan tuntutan fardu ain iaitu menuntut dan mempelajari ilmu pengetahuan. Justeru itu, sumbangan Mualim dalam penyebaran ilmu diperkemaskin dengan penubuhan institusi pendidikan diteruskan demi kelangsungan pengajian yang semakin terhakis. Kajian ini diharap akan menjelaskan gambaran sebenar *manhaj* dakwah Mualim Haji Wahid dan sumbangan beliau diterima baik oleh masyarakat setempat di Melaka secara khusus.

Berdasarkan fakta di atas, maka pengkaji terdorong untuk melakukan kajian khususnya dalam aspek sumbangan dakwah yang dibawa oleh Mualim di samping sifat kewarakannya, kezuhudan yang ada pada beliau yang merupakan aset yang amat bernilai bagi kajian yang akan datang dan seterusnya demi memartabatkan perjuangan dan peranan ulama dalam menyebarluaskan risalah Islam di muka bumi Allah.

BIODATA PENULIS:

Azmi Budin adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

Mohamad Nazli Omar adalah pensyarah Akademi Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran Al-Karim serta terjemahan maknanya (Perisian Microsoft Word)
- Abdullah Mohammad Basmieh. (1994). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Muhammad Zin (Dr) (2002). *Abd al-Qadir al- Jilani: His Method of Islamic Da'wah (Mission)*. Kuala Lumpur: Islamic University College of Malaysia.
- Abdullah Muhammad Zin (Dr) (1991). Art. “ Qadiriyyah Order: Development and Practice” dalam Islamiyyaat. Vol. X1, hal.39-45.
- Abdullah Muhammad Zin (Tan Sri Dr) (2015). *Syeikh Abd al- Qadir al- Jilani: Kehidupan Kerohanian dan Kemasyarakatan*. Selangor. Yayasan Al- Iman.
- Abu Dawud. (1994). *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ab.Halim Tamuri. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bangi* : Universiti Kebangsaan Malaysia .
- Ab.Aziz Mohd Zin. (1999). *Pengantar Dakwah Islamiah*: Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin. (2011), *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi s.a.w*: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin. (1999). *Psikologi Dakwah*: JAKIM
- Ab Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodeologi Dakwah*: Universiti Malaya
- Abdul Aziz Omar Ahmad, (2013), *Asas Islam*: Pustaka Aman Press Sdn Bhd
- Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah, Zulkiple Abd Ghani. (2000). *Dakwah dan Pengurusan Islam Di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hamid al-Ghazali.(2004). *Perkara Asas Dalam Agenda Kebangkitan Ummah; Kajian Berdasarkan Gagasan Imam Al-Banna*.Terj. Solehan Ayub. Seri Kembangan, Selangor : Penerbitan Teras Bakti.
- Abd Latif Muda.(200), *Huraian Hadis-Hadis Hukum*: Pustaka Salam.
- Abdulfatah Haron Ibrahim.(2002). *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Kebatinan*: Jakim.
- Abdul Rahman bin Abdilah Balfaqih al-Husaini.(2005). *Arba'un Hadisan fi Fadhl Quran al-'Azim*. Beirut Dar al-Basyar al-Islamiyah.
- Abdul Razak Muthalib.(2011) . *Hadis Palsu Popular* : PTS Islamika Sdn. Bhd
- Ahmad Fathy al- Fatani (2002), *Ulama Besar Dari Patani*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hambal.(994). *Musnad li al- Imam Ahmad ibn Hambal*. Mesir: Dar al- Maarif
- Ahmad Sunawari Long.(2008). *Sejarah Falsafah*: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Sunawari Long. (2007). *Pengenalan Metodeologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, FPI, UKM. Bandar Baru Bangi : Syarikat Percetakan Putrajaya.

- Ahmad Mohd. Salleh (2004) . Pendidikan Islam falsafah, Sejarah dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran.Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti sdn Bhd.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus.(2001). Sejarah Dakwah. KL : Utusan Publications Sdn Bhd.
- Al-Banna, Hassan al-Banna. (1990). Hala Tuju Dakwah Kita. Terj Solehan Ayub. Batu Caves, Kuala Lumpur : Pustaka Salam.
- Al- Bukhari, Muhammad ibn Ismail (1994). Sahih al- Bukhari Jld 1-4. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Darimi. (t,t).Sunan al- Darimi. Beirut: Dar al-Fikr
- Al Ahwany,Ahmad Fuad (1993), "al-Tarbiyah Fi-al-Islam", Qaherah :Dar al- Ma'arif al-Halaby.
- Al-Hafiz Muhammad ibn Isa ibn Saurah al- Tarmizi .(2010). Kesempurnaan Rasulullah s.a.w : Abnak Printing
- Ahmad Fauzi Hj Morad. (1997). Tamadun Islam: Universiti Putra Malaysia.
- Al-Mawardī, Abu al-Hasan. (1978). Al-Ahkam al-Sultaniyyah . Mesir : Maktabah al- Tawfīqīyyah
- Ali Abd al-Halim Mahmud.(1989). Wasail al-Tarbiyyah ‘Inda al-Ikhwan al- Muslimin Dirasah Tahliliyyah Tarikhīyyah. Mansorah, Mesir : Dar al-Wafa' Li al-Tibacah wa al-Nasyr wa al- Tauzi’.
- Alias Baba. (1999). Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Syaraf bin Marri. (1987). Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi (Bab al-Iman). Kaherah, Mesir : Dar al- Rayyan Li al-Turath.
- Al-Tabrani.(t.t), Al-Mujam al-Kabir. Beirut: Dar al- Fikr
- Al-Tamidhi.al- Imam.(1994). Sunan al- Tarmidhi. Beirut : Dar al- Fikr